



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : _____

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : MPU3212 Bahasa Kebangsaan A
Semester & Year : May – August 2022
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
 2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
 3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
 4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Akibat pandemik COVID-19 baru-baru ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran terpaksa berubah daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersempua kepada pembelajaran secara dalam talian. Dalam pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian, sebagaimana pembelajaran secara bersempua, adab dan etika pembelajaran juga perlulah difahami dan diikuti oleh setiap pelajar bagi memastikan proses menuntut ilmu dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya.

Pertama sekali, setiap pelajar perlulah mempunyai niat yang betul dalam menuntut ilmu. Para pelajar harus memahami bahawa ilmu sangat penting dalam mencorakkan kehidupan pada masa akan datang. Seterusnya, melakukan persediaan awal sebelum proses pembelajaran bermula. Para pelajar harus bertindak lebih proaktif dan sentiasa berusaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan subjek yang hendak dipelajari terlebih dahulu. Pelajar seharusnya tidak **berpeluk tubuh** dengan mengharapkan semata-mata kepada guru dan bahan yang dibekalkan sahaja. Bukan itu sahaja, pelajar yang mempunyai adab dan etika yang baik harus menepati masa supaya proses pembelajaran secara dalam talian dapat berjalan dengan lancar. Pelajar juga bertanggungjawab untuk membuat tugas yang diberikan dan menghantarnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Selain itu, setiap pelajar, atas rasa kesedaran dan tanggungjawab sendiri sewajarnya menghargai pengorbanan yang diberikan oleh guru mereka dengan memberikan kerjasama dan tumpuan sepenuhnya terhadap subjek pembelajaran serta menjauhi sikap sambil lewa. Semasa sesi kelas dalam talian sedang berlangsung, usahlah melakukan perkara lain yang tiada kaitan dengan pembelajaran seperti tidur, membuka laman web lain yang tiada kaitan dengan subjek pembelajaran, bersembang dan sebagainya.

Di samping itu, bagi mewujudkan komunikasi dua hala, pelajar juga harus melibatkan diri secara aktif dengan mengaktifkan kamera agar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni. Penampilan diri juga adalah sangat penting untuk diberi perhatian. Walaupun sesi pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian, pelajar dinasihatkan agar memakai pakaian yang bersesuaian serta berpenampilan kemas.

Kesimpulannya, ilmu dan adab sama sekali tidak boleh dipisahkan bahkan ia adalah saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Tidak ada gunanya jika seseorang pelajar itu memiliki ilmu yang hebat namun tidak mempunyai adab atau etika yang baik.

(Dipetik dan diubah suai daripada, “Adab Tuntut Ilmu Walau Belajar Secara Dalam Talian” Bernama.com, 17 Ogos 2020)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa ‘**berpeluk tubuh**’ seperti yang terdapat dalam petikan di atas? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan ini, nyatakan **EMPAT (4)** adab menuntut ilmu secara dalam talian? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** kesan buruk sekiranya seseorang remaja itu tidak menjaga adab dalam mencari ilmu? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Amanah Ibu Bekerja

Hari ini permataku bersamamu
Meski rintih melirih
Aku campak resah ke gaung gusar
Aku pacak yakin di puncak percaya
Mengusung doa dalam waktu kudratku bekerja

Di sini jiwaku tergantung
Mengenang nadi tertinggal
Terengiang teriakan
Terdengar dengusan
Rengek manja di setiap pagiku
Merengkuh rasa kasih ibu

Fahamlah pengasuh kucinta
Dia nyawaku yang tercipta
Dakaplah dengan kelembutanmu
Diamkanlah dengan imanmu
Moga besar nikmat ganjaranmu
Menjaga amanahku

Citra Zura

1. Apakah tema puisi di atas? **(2 markah)**

2. Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dalam rangkap kedua, baris kedua? **(2 markah)**

3. Apakah yang dipesan oleh penyajak kepada pengasuh tersebut? **(2 markah)**

4. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk memilih pengasuh yang baik? **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. beroperasi (**2 markah**)
- II. berupaya (**2 markah**)
- III. beroleh (**2 markah**)
- IV. beruntung (**2 markah**)
- V. berselerak (**2 markah**)

(10 markah)

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- i. Guru membentuk pelajar untuk menjadi warga negara dan rakyat yang digunakan kepada negara.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- ii. Layak akademik menjadi pra syarat bagi pelajar untuk membuat persediaan awal.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- iii. Generasi tua terasoh dengan budaya dan adat sopan yang menitikberatkan nilai-nilai budi dalam setiap pembuatan mereka.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- iv. Kajian mendapati bahawa geraduan yang beretika dan mempunyai nilai spiritual yang baik biasanya mudah penawaran pekerjaan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- v. Air matanya berlinangan setiap kali memory tentang ayahnya muncul dalam ingatnya.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2**ARAHAN****: SOALAN ESEI (30 MARKAH)**: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Semangat kejiranan dalam kalangan rakyat di negara kita semakin longgar. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil supaya semangat kejiranan dalam kalangan penduduk dapat ditingkatkan.

ATAU;

2. Penjanaan tenaga elektrik di Malaysia dihasilkan dengan gas, petroleum dan arang batu, iaitu sumber yang tidak boleh diperbaharui. Pengurangan sumber-sumber ini menyebabkan berlakunya perubahan iklim dunia dan menghasilkan sisa buangan yang berbahaya. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjimatkan penggunaan elektrik?

ATAU;

3. Tulis sebuah karangan berdasarkan peribahasa, “ada udang di sebalik batu”.

(30 markah)**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**